

NO. SOALAN: 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9992

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah hasil daripada levi yang dikenakan ke atas pekerja asing setiap setahun mulai 2013 hingga kini, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menamatkan pengambilan pekerja asing.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenakan bayaran levi pengambilan pekerja asing mengikut sektor. Jumlah kutipan levi pekerja asing mulai 2013 hingga kini adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN LEVI (RM)
2013	2,423,003,405.28
2014	2,637,594,587.09
2015	2,254,148,205.66
2016	2,521,420,322.33
Sehingga 30 Jun 2017	1,486,466,894.45

Penggajian pekerja asing hanyalah langkah sementara untuk menampung kekosongan jawatan dalam sektor-sektor yang ditetapkan sehingga ia dapat diisi oleh warga tempatan. Bilangan pekerja asing yang dibawa masuk adalah berdasarkan keperluan sebenar yang dipohon oleh majikan. Hanya permohonan yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan akan diluluskan berdasarkan keperluan sebenar. Selain itu, majikan yang telah diluluskan permohonan pengambilan adalah bertanggungjawab bagi menguruskan kemasukan, menjaga kebajikan pekerja asing sepanjang keberadaan di Malaysia termasuk menguruskan penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal.

NO. SOALAN: 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah langkah yang sedang diambil bagi mengimbangkan pendapatan serta kebajikan pemandu teksi dan e-hailing; dan
- (b) pelan jangka panjang untuk memastikan keselamatan pemandu dan penumpang kenderaan e-hailing.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah memperkenalkan beberapa inisiatif melalui Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP). Inisiatif ini diformulasi bertujuan bagi mengimbangi pendapatan serta kebajikan pemandu teksi dan *e-hailing* dalam memastikan penyelesaian dan mewujudkan persekitaran yang adil kepada semua pemain industri untuk bersaing secara sihat. Selain itu, ia juga akan dapat memastikan keselamatan pemandu dan penumpang teksi dan *e-hailing* terjamin.

2. Pelaksanaan TITP ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Antara inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) Mengeluarkan Lesen Individu dan Geran Wang Tunai bagi pemandu yang telah tamat kontrak dalam Sistem Pajak;
- (ii) Membuka Pilihan Model Bagi Kegunaan Teksi. Di bawah inisiatif ini, semua jenama kenderaan dan model yang mencapai penarafan keselamatan 3-bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baru ASEAN (NCAP) atau setaraf boleh digunakan sebagai kenderaan teksi. Ini akan membantu mempercepatkan penggantian kenderaan yang lama dan lebih penting lagi, akan mengurangkan struktur kos bagi pemandu teksi;

- (iii) Membenarkan kadar tambang dinamik bagi teksi bermeter yang menggunakan aplikasi *e-hailing*. Pemandu teksi bermeter akan mempunyai pilihan untuk mengambil penumpang di bahu jalan (*street hailing*) dan melalui tempahan *e-hailing*. Bagi cara *street hailing*, tambang siling yang dikenakan adalah berasaskan meter. Manakala bagi teksi yang mendapatkan pelanggan menggunakan aplikasi *e-hailing*, mereka boleh mengguna dan menawarkan kadar tambang dinamik yang digunakan oleh aplikasi;
- (iv) program bagi meningkatkan prestasi pemandu teksi akan diperkenalkan. Ia dirancang untuk dilaksanakan melalui latihan yang merangkumi empat (4) modul iaitu program-program bagi orientasi pemandu teksi, membangkitkan semangat keusahawanan di kalangan pemandu teksi, cara-cara melayan penumpang dan juga mengenai Keselamatan dan Penyelenggaraan.
- (v) Piawaian Kontrak Sewa Beli Teksi Dengan Terma-terma Kontrak Di Bawah Undang-undang. Cadangan pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 akan membolehkan pengawal seliaan syarat-syarat kontrak yang akan dikenakan ke atas Pengendali. SPAD akan mengawal selia kontrak sewaan baharu dan akan menyeragamkan serta menguatkuasakan pematuhan syarat-syarat wajib dengan memasukkan terma-terma ke dalam Syarat-syarat Lesen Pengendali.

- (vi) Untuk melindungi kepentingan dan kebajikan pemandu teksi, SPAD akan mengenakan KPI wajib ke atas Pengendali teksi. Pengendali akan dipertanggungjawabkan di atas kelakuan dan mutu pemandu dan kenderaan. Perkara ini akan turut terpakai kepada Pengendali atau Penyedia perkhidmatan *e-hailing*.
- (vii) Mengenakan proses saringan baru yang ketat dan menyeluruh terhadap teksi dan pemandu *e-hailing*, termasuk pemeriksaan rekod jenayah dan kesalahan trafik dan pelanggaran syarat-syarat Lesen Pengendali; dan
- (viii) Meningkatkan Piawaian Perkhidmatan menggunakan sistem 'merit' dan 'demerit' melalui kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menyediakan senarai penuh kesalahan pemandu teksi dan *e-hailing* di bawah sistem demerit Kejara yang baharu.

Sekian, terima kasih.